

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN  
DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dasar penempatan pemohon-pemohon kursus-kursus di pusat pengajian tinggi awam melalui sistem UPU Online yang diselenggarakan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA :

- (a) mengapa sebahagian pelajar tidak ditawarkan kursus pilihan utama mereka; dan
- (b) adakah pemohon tidak mempunyai pilihan dalam menerima kursus yang telah ditawarkan melalui sistem UPU Online itu dan adakah Kementerian menerima dan bertindak atas maklum balas dari majikan-majikan mengenai kursus yang ditawarkan tidak sepadan dengan minat graduan.

**JAWAPAN**

(a) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyelaraskan kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda berdasarkan prinsip meritokrasi tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri. Prinsip meritokrasi yang dilaksanakan bagi kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA adalah berdasarkan pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%).

Pemilihan kemasukan adalah berdasarkan dasar, prosedur dan kriteria yang telah ditetapkan. Dasar, prosedur dan kriteria kemasukan ini telah disebar luas secara *online* di laman web rasmi Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA JPT). Hanya pelajar yang telah memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan ILKA dan **mendapat merit yang tinggi sahaja akan dipertimbangkan tawaran kemasukan berdasarkan jumlah kekosongan tempat yang disediakan merujuk kepada program pengajian pilihan** mereka semasa membuat permohonan di UPUOnline. Kejayaan pelajar ditawarkan program pengajian pilihan mereka juga tertakluk kepada keputusan temuduga bagi program pengajian bertemuduga dan/atau ujian yang dijalankan oleh IPTA dan ILKA.

Pemprosesan pemilihan dilaksana dengan diproses secara teratur:

- i) Calon disusun ikut ranking merit dari yang paling tinggi hingga yang paling rendah
- ii) Proses pemilihan akan dibuat berdasarkan program yang dipilih oleh calon
- iii) Berdasarkan kelayakan calon dan jika tempat masih tersedia, calon akan ditawarkan pilihan pertama
- iv) Jika tempat pengajian telah penuh, permohonan calon akan diproses untuk pilihan program yang seterusnya
- v) Pelajar yang tidak berjaya ditawarkan tempat di IPTA dan ILKA boleh membuat permohonan rayuan. Pelajar yang membuat

permohonan rayuan **hanya akan ditawarkan program pengajian luar pilihan sekiranya pelajar bersetuju.**

**(b)** Tempat pengajian yang ditawarkan adalah berdasarkan pilihan yang dibuat oleh pemohon pada fasa perdana. Pemohon mempunyai 6 pilihan program pengajian yang wajib diisi daripada 12 pilihan program yang boleh diisi semasa mengemukakan permohonan di UPUOnline.

Untuk tujuan pemilihan program, pemohon boleh berpandukan kepada maklumat yang di paparkan di UPUOnline:

1. Kebolehpasaran Graduan
2. Tren Permohonan Dan Tawaran
3. Pentaksiran Psikometrik
4. Kalkulator Merit

Calon juga dimaklumkan dengan jelas bahawa tiada jaminan mendapatkan tawaran program pengajian berdasarkan kepada kedudukan merit semata-mata. Penawaran program pengajian adalah tertakluk susunan merit, pilihan program pengajian, memenuhi syarat am dan khas program pengajian, bilangan tempat yang disediakan, lulus temu duga dan/ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN  
TUN DR. MAHATHIR (JERLUN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR  
(JERLUN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN menyatakan :-**

(a) adakah Kementerian bercadang memperkenalkan satu skim sewaan rumah yang memudah dan meringankan beban kewangan orang muda dan lepasan universiti untuk berhijrah dari luar bandar ke lokasi kerja di bandar; dan

(b) tidakkah Kementerian merasakan skim seumpama dapat meningkatkan mobiliti orang muda untuk mencari pekerjaan di luar kampung halaman mereka, sekaligus meningkatkan produktviti pekerja muda itu sendiri dan tidakkah Kementerian bercadang mencontohi dasar perniagaan dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Indonesia kepada pemilik tanah untuk berdiri premis kediaman (Room Renting Kost) untuk menyewa bilik-bilik kepada pelajar-pelajar universiti dan perantau yang baru memulakan pekerjaan di tempat asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memastikan semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan peringkat umur mempunyai rumah sama ada secara dimiliki mahupun secara sewaan.

Bagi membantu golongan muda termasuk lepasan universiti yang berhijrah dari luar bandar ke bandar seperti di Lembah Klang dan tidak berkemampuan memiliki rumah, Kementerian akan menyediakan Rumah Transit Belia (RTB) di beberapa lokasi di Lembah Klang bagi menangani situasi harga rumah dan kadar sewa yang tinggi di kawasan tersebut. Sehingga kini, sebanyak dua projek RTB telah dirancang iaitu di Mukim Batu, Kuala Lumpur dan di Rawang, Selangor. Inisiatif ini diharap dapat membantu golongan muda untuk mengukuhkan kedudukan kewangan sebelum mereka memiliki kediaman sendiri.

Buat masa ini Kementerian sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan skim pembiayaan perumahan yang lebih bersesuaian dengan keadaan semasa bagi golongan belia. Antara faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam penyediaan skim pembiayaan perumahan yang sesuai bagi golongan ini adalah seperti pembiayaan 100 peratus, kadar faedah yang rendah dan tetap, serta kelonggaran kriteria untuk kelulusan pinjaman.

Selaras dengan komitmen kerajaan dalam meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat khususnya melibatkan golongan muda, Panel Pemikir (Panel of Experts) akan diwujudkan bagi membantu dan memberi nasihat kepada kementerian dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik serta membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. Bagi cadangan "Room Renting Kost", cadangan ini juga akan turut dibincangkan oleh POE berdasarkan model/inisiatif daripada negara-negara lain yang bersesuaian.

Kementerian ini mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai perancangan KPKT dalam memudahkan pembiayaan golongan muda untuk membeli rumah yang pertama. Isu ini akan sentiasa diberi perhatian oleh Kementerian dan penyelesaiannya memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah institusi perbankan. Di harap program-program yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian akan terus memberi manfaat

**SOALAN NO : 273**

perumahan kepada rakyat khususnya golongan muda. Sekian, terima kasih.